PENANG
PENANG 2030
# BULETIN MUTIARA
PERCUMA
1 - 15 SEPTEMBER, 2024
BERSATU DAN SETIA
www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow



MOHAMED Adnan Yusoff (kiri sekali); V. Kalimuthu (tiga dari kiri); Wan Razak Wan Chik (tengah); Muhamad Shauqi Fadzail (dua dari kanan) dan AMRAN Md. Shariff (kanan sekali) bersama-sama dua lagi rakan seperjawatan merakam gambar kenang-kenangan usai majlis berkaitan di sini. *(Berita di muka surat 3).*

# Usaha Kerajaan Negeri makmurkan rakyat dipuji

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak memuji pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam memakmurkan kehidupan rakyat, sungguhpun dalam keadaan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu ketika ini.

Yang di-Pertua Negeri (TYT) Pulau Pinang berkenaan menzahirkan perkara itu semasa berucap dalam Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Sempena Sambutan Ulang Tahunnya Ke-75 di Dewan Sri Pinang pada 27 Julai 2024.

"Saya bersyukur atas nikmat dan kurniaan Allah S.W.T. kerana sepanjang tempoh saya sebagai Yang di-Pertua Negeri, tiada gambaran atau ungkapan dapat dizahirkan tentang peri eloknya lakaran potret keamanan serta kemajuan yang telah dicapai oleh bumi bertuah ini.

"Pada kesempatan ini, izinkan saya melafazkan ucapan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri atas ucapan ikrar taat setia bagi pihak kerajaan, anggota perkhidmatan awam dan seluruh rakyat negeri Pulau Pinang," jelasnya sambil menyeru semua pihak menyemarak perasaan cintakan negeri Pulau Pinang.

Turut mengiringi, isteri TYT, Toh Puan Khadijah Mohd. Nor.

Berucap sebelum itu, Kon Yeow memberitahu Tun Ahmad Fuzi bahawa pentadbirannya dan rakyat jelata negeri Pulau Pinang tanpa berbelah bahagi turut menyatakan ikrar taat setia kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan negara Malaysia yang tercinta.

"Sesungguhnya, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung, kesetiaan ini dijunjung dengan kalimat Rukun Negara, bertunjangkan jati diri dan integriti kukuh disemarak dengan obor cintakan negara demi keamanan dan kemakmuran 'Negeri Kita'," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Seperti dinasihatkan oleh Tun Ahmad Fuzi, Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya menyedari bahawa persekitaran ekonomi global yang tidak menentu turut memberi cabaran kepada iklim ekonomi negeri.

Menurut Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi itu lagi, Pulau Pinang kekal sebagai negeri pengeksport utama Malaysia bagi tempoh Januari hingga Mei 2024 dengan nilai RM177.99 bilion.

"Walaupun prestasi ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.6 peratus pada tahun 2023 berbanding 8.9 peratus pada tahun sebelumnya, Pulau Pinang pula mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.3 peratus pada tahun 2023.

"Nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri ini adalah RM116 bilion, meningkat daripada RM112.3 bilion pada tahun sebelumnya, dengan kenaikan sebanyak RM3.7 bilion," ujarnya.

Di samping itu, beliau memberitahu bahawa Pulau Pinang juga mencatatkan peningkatan daripada RM69,789 kepada RM72,586 iaitu sebanyak RM2,797 dalam KDNK per kapita serta prestasi tersebut adalah melebihi paras nasional yang diunjurkan iaitu sebanyak RM54,612.

*(Sambungan di muka 2).*



SARJAN Mazlan Abdul Rahman.

# Pingat Gagah Perwira, pengiktirafan buat 2 RAMD

**SARJAN MAZLAN ABDUL RAHMAN**, merupakan antara 236 individu yang menerima Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan pada Istiadat Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-75 Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak pada 27 Julai 2024.

Anggota Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu Diraja (2 RAMD) Kem Sungai Ara berkenaan menerima menerima Pingat Gagah Perwira (P.G.P) atas kesanggupannya menggadai nyawa dengan terjun dari Kilometer 2.8, Jambatan Pulau Pinang menghala ke Perai bagi menyelamatkan satu pasangan yang terjatuh dalam kejadian pada awal tahun ini.

Penganugerahan P.G.P kepada Mazlan adalah bagi menzahirkan penghargaan terhadap keberanian dan semangat perwiranya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bersama-sama barisan Exco Kerajaan Negeri serta barisan tetamu kehormat lain turut menyaksikan majlis penyampaian anugerah bermakna tersebut.

Mazlan yang ditemui kemudian berharap penganugerahan P.G.P bakal membakar semangat dalam diri serta pengiktirafan kepada rakan-rakan dalam 2 RAMD.

"Selepas mendapat penghargaan daripada Angkatan Tentera Darat (Malaysia), saya tidak sangka akan mendapat penganugerahan (P.G.P) daripada Kerajaan Negeri.

"Sebenarnya saya berniat untuk tolong sahaja (pasangan yang terjatuh dari Jambatan Pulau Pinang), penghargaan yang diberikan kepada saya ini, terima kasih.

"Saya harap penganugerahan (P.G.P) ini memberi motivasi kepada saya dan kawan-kawan," katanya kepada Buletin Mutiara.

Dalam perkhidmatan selama 14 tahun, Mazlan pernah berkhidmat di negeri Kelantan dan baru tahun lepas ditaklifkan sebagai jurulatih jasmani dan sukan di Batalion 2 RAMD Kem Sungai Ara dekat Daerah Barat Daya.

Mazlan merupakan anak kelahiran Naka, Kuala Nerang, Kedah. Sudah berkahwin, beliau mempunyai dua anak lelaki yang masing-masing berusia 3 tahun dan 7 tahun.

Difahamkan, pada tahun ini, Sarjan Mazlan merupakan satu-satunya individu penerima anugerah P.G.P.

# Sekitar Sambutan Ulang Tahun Ke-75 TYT



KETUA Menteri merakamkan gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.




PERBARISAN yang berlangsung dengan penuh istiadat.



TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak (depan) menyempurnakan pemeriksaan perbarisan kawalan kehormat.

*(Sambungan dari muka 1).*

## Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

"Secara keseluruhannya, ekonomi Pulau Pinang menyumbang 7.4 peratus kepada ekonomi negara, dan sumbangan ini kekal sama berbanding tahun sebelumnya dan terus mengekalkan Pulau Pinang pada kedudukan kelima kuasa ekonomi di negara ini," ulasnya lanjut.

Sebelum itu, Tun Ahmad Fuzi menyempurnakan acara pemeriksaan perbarisan bagi istiadat berkaitan di dataran Dewan Sri Pinang dengan iringan 17 das tembakan meriam serta lagu Negaraku yang dimainkan oleh pasukan pancaragam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Selain Kon Yeow, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; barisan Exco Kerajaan Negeri serta tetamu jemputan lain turut menyaksikan acara pembukaan penuh istiadat tersebut.

# Wira 3D MBSP dan MBPP terharu terima penganugerahan pingat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Seramai lapan kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang bekerja dalam sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar) menerima penganugerahan Pingat Bakti Setia (PBS) serta Pingat Jasa Masyarakat (PJM).

Kesemua mereka menerima penganugerahan pingat tersebut pada hari keempat Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Sempena Hari Ulang Tahun Ke-75 Yang di-Pertua Negeri (TYT) Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dekat Dewan Sri Pinang di sini pada 1 Ogos lalu.

Menurut Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye, empat daripada penerima merupakan kakitangan MBPP yang menerima pingat PBS manakala empat lagi adalah kakitangan MBSP (PJM).

"Penganugerahan pingat kehormat kepada pekerja 3D merupakan penghargaan dan pengiktirafan terhadap perkhidmatan mereka dalam memastikan negeri Pulau Pinang sentiasa bersih, hijau dan harmoni.

"Tanpa keringat dan pengorbanan pekerja 3D, sudah pastinya masyarakat setempat tidak dapat menikmati kehidupan dengan persekitaran yang bersih dan selamat!

"Semoga pengiktirafan ini dapat meningkatkan lagi semangat pasukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk meneruskan usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat negeri ini," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui usai istiadat tersebut.

Dalam pada itu, **MOHAMED ADNAN YUSOFF**, 58, dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) MBPP ketika ditemui berkata bahawa beliau menerima penganugerahan tersebut untuk kali pertama setelah 15 tahun berkhidmat di PBT itu.



**EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, H'ng Mooi Lye (tiga dari kanan); Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran (tengah) dan Setiausaha Bandaraya MBPP, Cheong Chee Hong (tiga dari kiri) bersama-sama barisan wira 3D usai majlis berkaitan di sini baru-baru ini.**



**MUHAMAD Shauqi Fadzail.**

"Terima kasih diucapkan kepada Ketua Jabatan JPP dan Datuk Bandar MBPP atas pengiktirafan yang diberikan ini.

"Anugerah yang tidak disangka ini pastinya menjadi pembakar semangat untuk saya bekerja dengan lebih gigih dalam menyumbang bakti kepada masyarakat di negeri ini," kata pembantu awam itu kepada Buletin Mutiara ketika ditemui.

Mohamed Adnan memberitahu bahawa beliau memandangkan beliau ditugaskan menjaga Zon Tanjong, maka pekerjaannya banyak tertumpu kepada menjaga kebersihan di kawasan-kawasan tumpuan pelancong.

"Justeru, saya berharap agar masyarakat dapat bersama-sama membantu MBPP menjaga kebersihan supaya Pulau Pinang kekal menjadi lokasi tumpuan pelancong yang bersih dan unggul," ujarnya yang merupakan penerima penganugerahan PBS.

Bagi pembantu am di JPP Zon Padang Kota, **WAN RAZAK WAN CHIK**, 59, pula memberitahu bahawa beliau mula berkhidmat dengan MBPP sejak tahun 1988.

Wan Razak memberitahu bahawa beliau memilih bekerja dengan MBPP kerana pada masa itu tidak ramai orang yang berminat bekerja dalam sektor awam khususnya 3D.

"Saya sudah berkhidmat di JPP MBPP selama 36 tahun dan ini kali pertama saya terima penganugerahan pingat daripada TYT.

"Saya berasa sangat terharu dan bangga kerana akhirnya perkhidmatan lebih tiga dekad telah diiktiraf oleh MBPP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang," katanya.



**HAMID Abd. Majid.**

Beliau berkata, penganugerahan yang diterima itu pastinya akan menjadi pembakar semangat kepada beliau untuk berkhidmat dengan lebih baik kepada masyarakat.

"Terima kasih diucapkan kepada ketua jabatan saya terutamanya Datuk Bandar MBPP kerana mengiktiraf jasa serta bakti saya selama ini.

"Harapan saya adalah semoga jalan-jalan di bandar raya Pulau Pinang ini sentiasa diselenggara dan saya juga meminta kerjasama daripada masyarakat untuk terus menjaga kemudahan yang disediakan oleh MBPP," katanya.

*(Sambungan di muka 15).*

**H'NG Mooi Lye (dua dari kanan) dan Datuk Bandar MBSP, Dato' Baderul Amin Abdul Hamid (tengah) merakam momen bersama-sama penerima pingat sektor 3D di sini.**



# Kompleks Pasar Awam Teluk Kumbar jana ekonomi setempat

PEMBINAAN Kompleks Pasar Awam Teluk Kumbar yang dirancang sejak sekian lama dijangka mampu menjana ekonomi setempat terutama di kawasan sekitarnya.

Projek yang dijangka bermula November tahun ini bakal menempatkan 48 gerai jualan seperti ikan, daging, sayur, buah-buahan, barangan am dan bahagian tidak halal.

Tambahan itu, sebanyak 38 gerai makanan dan minuman dengan kapasiti 390 pelanggan pada satu-satu masa akan melengkapkan pembinaan tersebut.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** sempat mengadakan tinjauan bagi mendapatkan maklum balas mengenai perancangan tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, **DATO' AZRUL MAHATHIR AZIZ** yakin bahawa pasar awam tersebut yang dijangka siap pada tahun 2026 nanti mampu menjana ekonomi setempat.

"Apabila siap, saya yakin projek ini bukan sahaja memberi manfaat kepada penduduk setempat dari segi peluang perniagaan, bahkan merangsang ekonomi di sini.

"Selaku ADUN yang sudah lama berjuang mengenai kewujudan premis ini, sudah tentu saya gembira dan menarik nafas lega apabila projek ini dikhabarkan akan bermula November ini, sudah tidak lama," ujar beliau kepada Buletin Mutiara pada 18 Julai lalu.



AZRUL Mahathir Aziz.

Sebelum ini, pada majlis pecah tanah awal Julai lalu, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran memaklumkan bahawa kompleks pasar awam ini bakal dilengkapi dengan kemudahan serba moden seperti dewan balai rakyat, bilik mesyuarat, pejabat, bilik persalinan, surau, tandas mesra orang kurang upaya (OKU), tiga unit lif, depoh sampah dan lain-lain kemudahan bersesuaian.

"Kompleks pasar awam ini turut menyediakan 113 petak tempat letak kereta, 38 petak untuk motosikal dan enam petak untuk basikal.



MUHAMAD Aswad Md. Kamar.

"Pembangunan kompleks pasar awam ini akan dilengkapi dengan pembahagian produk barangan basah dan kering, merangkumi sebanyak 48 buah gerai jualan ikan, daging, sayur, buah, barang am dan tidak halal.

"Manakala di bahagian kompleks makanan pula terdapat sebanyak 38 buah gerai makanan dan minuman yang dapat menampung sebanyak 390 orang pelanggan pada satu-satu masa," jelasnya.

Anak jati Teluk Kumbar, **MUHAMAD ASWAD MD. KAMAR**, 30-an, melihat pembangunan pasar awam dan kemudahan lain menambahkan lagi keselesaan warga Teluk Kumbar.

"Sekiranya sebelum ini terpaksa bergantung kepada pasar lama yang kecil, *parking* susah, barangan terhad dan lokasi kurang strategik, pasar baharu ini sudah tentu projek yang memberi keselesaan penduduk di sini.



NUR Natasha Ibrahim.

Bagi peniaga kosmetik, **NUR NATASHA IBRAHIM**, 29, berharap dapat menyewa salah satu premis di kompleks tersebut apabila siap kelak.

"Setakat ini boleh dikatakan berniaga dari rumah sahaja, kalau ada premis kedai dekat kompleks baharu itu, lebih mudah berurusan dengan pelanggan.

"Tambahan pula kompleks sudah ada tarikan tersendiri dengan pasar dan tempat makan, justeru harap ia mampu beri impak positif sekiranya saya dapat jalankan perniagaan di situ nanti," katanya.

Tambah beliau, urusan membeli barangan basah serta makanan yang diletakkan berhampiran akan lebih memudahkan orang ramai dan yang pasti peluang perniagaan kepada orang setempat.



MAIZATUL Aznil Abdul Malik.

**MAIZATUL AZNIL ABDUL MALIK**, 34, melihat projek pembinaan pasar awam dan kompleks makanan berkaitan sebagai satu pembangunan yang kondusif kepada kawasan setempat.

"Sebenarnya, saya baru sebulan berpindah sini (Teluk Kumbar), sebelum ni saya tinggal di Bayan Baru, dengan adanya pasar awam di Teluk Kumbar nanti, ia akan memudahkan saya untuk membeli barang perniagaan.

"Cadangan saya mungkin nanti boleh buat parkir yang bersesuaian agar kenderaan keluar masuk tidak sesakkan jalan utama," ujarnya.



MUHAMMAD Syafa'at Haja Mydin.

Melihat keadaan pasar sedia ada di Taman Sahabat dalam keadaan tidak tersusun, **MUHAMMAD SYAFA'AT HAJA MYDIN**, 26, melihat pasar awam baharu tersebut sebagai salah satu jalan keluar.

"Sebelum ini, saya selalu pergi ke pasar pagi Taman Sahabat yang mana peniaga berada dalam keadaan yang tidak teratur dan tidak kemas.

"Sekurang-kurangnya dengan ada pasar awam Teluk Kumbar nanti, kita harap lebih tersusun dan kondusif untuk menyenangkan pembeli," kongsinya lanjut.




ILUSTRASI Kompleks Pasar Awam Teluk Kumbar yang dirancang.

# *Moat Fort Cornwallis* jangka siap Julai 2025

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN –** Fasa kedua projek konservasi dan penyediaan semula parit kubu *(moat)* di bahagian barat *Fort Cornwallis* yang sedang dilaksanakan dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2025.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa astaka bersebelahan dengan *Fort Cornwallis* juga diruntuhkan dan dibina semula serentak dengan jadual pelaksanaan fasa kedua projek konservasi tersebut, sebelum dibuka sepenuhnya kepada orang awam.

"Orang ramai kini dilarang masuk, tetapi parit selatan boleh dilihat dari menara jam *(Queen Victoria)* melalui pagar dawai yang baru dipasang.

"Kerja-kerja itu masih dalam proses setakat ini.

"Kerja-kerja pemuliharaan semula parit kubu di bahagian selatan dan barat dijadual selesai Julai tahun depan (2025) yang mana kita pun bercadang untuk buka kepada orang awam," jelasnya seusai Majlis Pra-Pelancaran Projek Konservasi dan Penyediaan Semula Parit Kubu Bahagian Selatan serta Program Seharian di Kota Cornwallis dekat sini pada 7 Julai 2024.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan pada Majlis Pra-Pelancaran Projek Konservasi dan Penyediaan Semula Parit Kubu Bahagian Selatan serta Program Seharian di Kota Cornwallis di sini baru-baru ini.**



**PEMANDANGAN yang memperlihatkan Menara Jam *Queen Victoria*.**



**TAHAP pemajuan projek konservasi dan penyediaan semula parit kubu di bahagian selatan *Fort Cornwallis* di sini yang belum dibuka untuk kunjungan orang awam.**

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan menyatakan bahawa fasa pertama projek konservasi itu, iaitu parit kubu bahagian selatan yang terletak berhadapan dengan bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang sebenarnya telah siap, tetapi masih belum dibuka kepada pengunjung.

Menurut Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi itu lagi, Kerajaan Negeri hari ini turut merakamkan penghargaan kepada *George Town Conservation and Development Corporation* (GTCDC) iaitu agensi usaha sama antara Think City Sdn. Bhd. (Think City) dan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) serta bantuan kepakaran daripada konsultan antarabangsa, *The Aga Khan Cultural Services* (AKCS) atas penglibatan dalam kerja-kerja pemuliharaan semula struktur bangunan warisan bersejarah Kategori 1 tersebut sejak kira-kira sedekad lalu.

Difahamkan, fasa kedua projek konservasi dan penyediaan semula parit kubu *(moat)* di bahagian barat *Fort Cornwallis* sedang dilaksanakan kini bagi melengkapkan salah satu daripada 14 komponen projek konservasi di bawah Pelan Induk Pesisir Pantai Utara Pulau Pinang *(Penang Northern Seafront Masterplan)*.

Mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng; Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai; Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye; ADUN Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Wong Yuee Harng dan Timbalan Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Tanjong, Lim Hui Ying antara pemimpin Kerajaan Negeri yang turut sertai lawatan tapak konservasi tersebut.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran; Pengurus Besar CMI, S. Bharathi; Pengarah Urusan Think City, Hamdan Abdul Majeed dan Pengerusi Think City, Dato' Seri Dr. Anwar Fazal.

## Pulau Pinang kekal negeri pengeksport utama negara

**PANTAI JEREJAK –** Pulau Pinang kekal sebagai negeri pengeksport utama negara apabila merekodkan jumlah eksport sebanyak RM177.99 bilion bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa jumlah itu adalah peningkatan sebanyak 3.9 peratus berbanding tempoh sama pada tahun 2023.

"Pulau Pinang telah menduduki tempat pertama bagi jumlah eksport pada tahun 2023, dengan sumbangan sebanyak 30.5 peratus atau RM434.74 bilion daripada jumlah eksport negara, mengatasi semua 12 negeri dalam negara.

"Sebagai tambahan, nisbah perdagangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang turut berkembang yang mana membuktikan keterbukaan negeri terhadap perdagangan antarabangsa secara keseluruhan," katanya ketika merasmikan program Hari Eksport Pulau Pinang 2024 di sini 22 Julai lalu.

Turut hadir, Pengerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican; Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Rashidi Zinol; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Aziz Bakar; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan Pengeksport) MATRADE, Mansor Shah Wahid serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) PDC, Sr. Roslan Hassan.

Hari Eksport Pulau Pinang 2024 dianjurkan dengan kolaborasi antara MATRADE dan Kerajaan Negeri melalui PDC serta Pejabat Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar.

Difahamkan, penganjuran program tersebut pada tahun ini merupakan yang julung kalinya diadakan selama dua hari berturut-turut mulai hari ini (22 Julai).

Kon Yeow menyatakan bahawa MATRADE memainkan peranan penting membantu syarikat-syarikat dalam negara membangun dan mengembangkan pasaran eksport mereka ke peringkat antarabangsa.

"Malah, saya juga telah menyaksikan banyak kejayaan dilakar oleh syarikat-syarikat Pulau Pinang pada peringkat global hasil usaha pihak MATRADE.

"Usaha yang dilaksanakan adalah melalui penganjuran program-program promosi eksport di dalam dan juga luar negara serta bantuan-bantuan lain yang disediakan.

"Saya yakin, penganjuran kali ini akan memberi impak yang lebih besar dan signifikan kepada para usahawan dengan topik-topik relevan yang lebih praktikal serta terkini.

"Program ini akan membantu usahawan–usahawan Pulau Pinang terutamanya dalam mempelajari selok-belok industri pengeksportan.

"Secara tidak langsung, para usahawan juga berpeluang berinteraksi secara terus dengan pakar-pakar dari bidang berkaitan bagi mempersiapkan diri masing-masing dengan ilmu berkaitan eksport," katanya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Sementara itu, Merican Reezal ketika berucap sebelum itu turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah mewujudkan rantaian ekosistem yang sempurna untuk industri dan pelaburan.

# Bumbung baharu, kemudahan kepada penjaja dan pengunjung

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BUMBUNG TAMBAHAN SIAP...** Projek pemasangan bumbung tambahan Kompleks Makanan Padang Brown bernilai RM389,195 siap disempurnakan demi selesa pengunjung dan juga peniaga di sini.

Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran menyatakan bahawa projek tersebut disuarakan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sejurus mendengar keluhan para penjaja sebelum ini.

Menurut beliau, pelaksanaan projek bermula pada bulan Ogos 2023 dan siap pada April lalu. Secara langsung, ia telah memberi kemudahan kepada 53 penjaja dan pengunjung terutamanya dalam keadaan cuaca yang amat mencabar kini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, Timbalan Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Tanjong, Lim Hui Ying dan Ahli-ahli Majlis bagi MBPP.




**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan merakam gambar kenangan dengan salah seorang peniaga di sini.**



**RUPA bentuk bumbung baharu Kompleks Makanan Padang Brown yang telah siap pada April lalu.**




134 unit PANGSAPURI 13 TINGKAT
(BAKI 50 UNIT YANG BELUM DIJUAL)
* Keluasan Binaan 1,305 k.p.(min) - 2,264 k.p.(mak)
* 4 Bilik Tidur dan 2 Tandas
Harga Jualan
RM 441,000.00(min) • RM 882,000.00(mak)
+012-606 9371

PEGANGAN BEBAS | 5% Diskaun untuk Bumiputera
MENGALAMI GAYA HIDUP YANG MEWAH @ JURU, S. P. T.



GLISTENHILL
PANGSAPURI JURU RIA
@ JURU, S. P. T.

PEMAJU:
TKS DEVELOPMENT SDN. BHD. (1336721-U)
No. 8, (2nd & 3rd Floor), Wisma Teh Kean Sai, Lorong Abu Siti, 10400 George Town, Penang.
Tel: 04-228 6105 Fax: 04-228 5951 Email: tksdev.marketing@gmail.com

No. Lesen Pemaju Perumahan: 20057/03-2028/0202(A) | Tempoh Sah: 02/03/2023 - 01/03/2028 | No. Permit Iklan dan Jualan: 20057-1/03-2025/0055(R)-(S) | Tempoh Sah: 02/03/2024-01/03/2025
Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Seberang Perai | No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-43/43 | Hakmilik Pegangan: Pegangan Bebas
Bilangan Unit: 134 unit | Tahun Dijangka Siap: Disember 2025 | Bebanan Tanah: Tiada | Diskaun untuk Bumiputera : 5%
IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

# Pastikan MBSP kian relevan, ikrar Setiausaha Bandaraya

**PEMASYURAN MOHD. IBRAHIM MD. NOOR** sebagai Setiausaha Bandaraya baharu bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sekali gus memadamkan persoalan pelbagai pihak selama lebih satu bulan kekosongan penjawatan penting tersebut.

Bekas Pengarah Perkhidmatan Kesihatan MBSP itu mengangkat sumpah terimaan jawatan tersebut di hadapan Exco Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi serta Datuk Bandar MBSP, Dato' Baderul Amin Abdul Hamid.

Sekalian ahli majlis serta barisan ketua jabatan bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan turut menyaksikan acara tersebut yang dilangsungkan di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP dekat Bandar Perda pada 1 Ogos lalu.

Mohd. Ibrahim yang ditemui kemudian menzahirkan penghargaan atas kepercayaan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

"Pertama, saya merafakkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. atas keputusan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan negeri ini.

"Sesungguhnya, saya amat terkejut dengan pelantikan (Setiausaha Bandaraya MBSP) ini, kerana keputusan dibuat di luar jangkaan semua (yang mana) saya sendiri tidak mendapat apa-apa 'petunjuk' sebelum ini," jelasnya kepada Buletin Mutiara.

Difahamkan, Mohd. Ibrahim berkhidmat dengan MBSP sejak 1 Julai 1994.

Selama tempoh kira-kira 30 tahun dan satu bulan itu, beliau pernah ditaklifkan sebagai Penolong Pengarah Pentadbiran di Jabatan Urusetia bagi tempoh 15 tahun.

Dalam tempoh 15 tahun pertama dalam perjawatan juga, beliau pernah bekerja di dua 'bahagian utama' iaitu empat tahun di bahagian penyelidikan serta pembangunan dan baki tahun selebihnya di Bahagian Pengurusan (kini dikenali sebagai Bahagian Sumber Manusia).

Kerana ada kekosongan perjawatan, dalam tempoh 15 tahun semasa itu juga, Mohd. Ibrahim memberitahu bahawa beliau pernah menanggung kerja lain berkaitan tugas-tugas penguatkuasaan (kira-kira 11 bulan).

Selepas itu, beliau diberi peranan yang lebih besar dengan mengetuai jabatan lain iaitu Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Jabatan Perlesenan.

"Sebagai Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MBSP sekarang kira-kira lebih 10 tahun, dan pada hari ini (1 Ogos 2024) dilantik sebagai Setiausaha Bandaraya," ujarnya.

Bercerita lanjut, Mohd. Ibrahim menyatakan bahawa pengalaman yang agak mencabar antaranya adalah semasa menjadi Pengarah Perkhidmatan Kesihatan yang mana pernah menganjurkan sendiri Operasi Crow Sharpshooter (OPS Cross MBSP) pada tahun 2022.

"Dijenamakan semula sebagai OPS Cross MBSP, cabaran utama iaitu acara menembak burung gagak ini belum pernah dibuat lagi di kawasan utara Semenanjung Malaysia ini.

"Pada peringkat awal penganjuran, ada banyak cabaran kerana melibatkan pergerakan senjata api dan aktiviti menembak (gagak) di kawasan awam.

"Kerana kawasan aktiviti menembak burung gagak ini turut melibatkan ruang udara di bawah Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dekat Daerah Seberang Perai Utara (SPU), perlu juga mendapatkan kebenaran agensi-agensi berkaitan termasuk Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman.

Menganggap perjawatan Setiausaha Bandaraya MBSP sebagai suatu amanah yang berat, Mohd. Ibrahim memberitahu bahawa beliau akan berusaha memainkan peranan secara pentadbiran bagi menjayakan misi teras, seperti digariskan Baderul Amin.

"Sebagai Setiausaha Bandaraya, saya mesti menyokong apa sahaja visi yang digagaskan oleh Datuk Bandar MBSP, itu paling jelas dalam tugas hakiki saya.

"Macam diucapkan oleh Datuk Bandar MBSP, PBT mesti kembali pada urusan terasnya iaitu kebersihan bandar raya, penguatkuasaan dan pengurusan kewangan.

"Setiausaha Bandaraya adalah Ketua Pentadbir, tanggungjawab saya adalah menyelaraskan kerja-kerja pentadbiran berdasarkan tiga perkara yang digariskan oleh Dato' (Baderul Amin)." ulasnya lanjut.

Tahu tidak tahu Mohd. Ibrahim pernah belajar satu sekolah dan tinggal di asrama selama lima tahun bersama-sama Baderul Amin, semasa di *Penang Free School* dulu.

Mula-mula beliau enggan bercerita lanjut, tetapi selepas dipujuk, dalam nada seloroh Mohd. Ibrahim berkata bahawa pihaknya berharap keserasian bekerja di bawah 'pasukan' Dato' Baderul Amin kian kuat, dengan mengambil kira pelbagai elemen yang telah wujud sebelum ini.

"Mungkin ramai tidak tahu, saya dan Dato' Baderul Amin adalah bekas pelajar *Penang Free School*, tinggal di asrama sehingga Tingkatan 5, sebelum memilih hala tuju pengajian tinggi masing-masing.

"Kami berdua adalah calon menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 1983, selepas SPM, masing-masing bawa haluan (pengajian tinggi) dan saya berjumpa kembali beliau pada hari saya melaporkan diri di MBSP (1 Julai 1994).

"Berbekalkan semua ini, tiada masalah kerana kita berdua saling faham (dengan pengalaman lima tahun belajar dan tinggal di asrama), dari situ kita boleh saling bekerja secara profesional serta saling berterus terang.

"Lebih-lebih lagi, saya dan Datuk Bandar MBSP hari ini telah berkhidmat lebih 30 tahun bersama-sama MBSP, masing-masing ada pengalaman serta pengetahuan mengenai tabiat organisasi PBT selama tempoh itu, seperti pekerja-pekerja lain yang lama berkhidmat dengan MBSP, ada 'jiwa' dan apa-apa yang terjadi dalam MBSP akan lebih dekat dengan jiwa kami di sini.

"Sekarang usia saya sudah 58 tahun, dari usia muda sampai umur setua ini berkhidmat di MBSP, 'jiwa' untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan untuk rakyat mesti ada citra tersendiri," jelasnya.

Anak kelahiran Bukit Tengah, Mohd. Ibrahim sudah berkahwin dan mempunyai tiga cahaya mata berusia antara usia 28 hingga 17 tahun.

Mengakhiri bicara wara, beliau berharap keberadaan kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh MBSP kian releven kepada semua pemegang taruh di kawasan pentadbiran PBT tersebut.

"Dalam soal harapan, kita di semua peringkat perjawatan dalam MBSP mesti memastikan keberadaan kita mesti terus releven.

"MBSP mesti terus releven, kalau kita tidak releven, tidak perlu lagi ada PBT… jadi maksudnya dari segi tugas hakiki yang utama kita (sebagaimana digariskan Datuk Bandar MBSP dalam ucapannya) mesti kita usahakan.

"Tiga perkara… kebersihan bandar raya dan penguatkuasaan, sangat berhubung kait dengan soal pengurusan kewangan PBT.

"Tidak dapat tidak mesti dilaksanakan, dan di sini tugas seorang Setiausaha Bandaraya sendiri releven jika dapat melaksanakan ketiga-tiga perkara tersebut tanpa tertinggal salah satu di antaranya," tegasnya.




**MOHD. Ibrahim Md. Noor (kanan) berjabat tangan dengan Baderul Amin Abdul Hamid sesuai majlis lantikan beliau sebagai Setiausaha Bandaraya MBSP di sini baru-baru ini.**

# PPDK Puteri Gunung terajui program pembangunan OKU



**SURIAWATI Hashim.**

**BARU-BARU** ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM558,723 kepada Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Puteri Gunung.

Difahamkan, peruntukan tersebut adalah bagi menampung pemberian elaun pelatih orang kurang upaya (OKU), saguhati penyelia dan petugas, sewaan premis dan utiliti serta demi memastikan program serta aktiviti harian PPDK berjalan lancar.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar **LAW SUUN TING** berkesempatan bertemu dengan Penyelia Pusat Jagaan PPDK Puteri Gunung, **SURIAWATI HASHIM** untuk mengetahui lebih lanjut latar belakang pusat jagaan tersebut.

## Latar belakang

Menurut Suriawati, Pusat Jagaan PPDK Puteri Gunung merupakan yang pertama memperoleh kelulusan pusat jagaan di antara 24 PPDK serata negeri.

"Terdapat 24 PPDK di Pulau Pinang di bawah penyeliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan (PPDK) Puteri Gunung merupakan yang pertama telah mendapat kelulusan sebagai pusat jagaan.

"Apabila mendaftar di bawah akta pusat jagaan, barulah sesebuah PPDK itu mendapat perlindungan dan sebagainya.

"PPDK Puteri Gunung menjadi pusat jagaan secara rasmi pada 4 April 2024 lalu, seramai 12 petugas (guru) dan 62 pelatih (pelajar) OKU di sini," jelasnya yang telah berkhidmat hampir 30 tahun sebagai sukarelawan di bawah JKM.

Tambah Suriawati, semua kategori OKU diterima bagi mengikuti kelas dan bengkel yang telah tersedia mengikut jadual yang telah ditetapkan.

"Bagi pelatih yang mempunyai keupayaan mendengar dan memberi reaksi, petugas akan memasukkan pelatih ke kelas intervensi yang terbahagi kepada dua sesi.

"Manakala bagi pelatih OKU yang terlantar akan menjalani kelas fisioterapi perlu dikendalikan oleh petugas yang mahir dan berpengalaman.

"(Dan) bagi pelatih yang telah tamat latihan akan ke peringkat pembelajaran seterusnya iaitu ke Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)," tambahnya sambil berkata pelbagai program menarik akan dianjurkan dua kali sebulan.

## Kelas dan bengkel

Menurut salah seorang petugas, **NOR HIDAYAH ABDUL KHALID**, pelatih perlu hadir ke pusat jagaan sekurang-kurangnya empat jam sehari bersamaan kehadiran lapan hari sebulan untuk melayakkan mereka mendapat elaun bulanan.

"Pelatih diberikan elaun bulanan sebanyak RM300 dan hanya perlu membayar yuran sebanyak RM60 baik kanak-kanak mahupun dewasa.

"Bagi pelatih berumur empat sehingga enam tahun, Kelas Intervensi Awal diadakan dua sesi iaitu sesi pertama 8 pagi hingga 12 tengah hari manakala sesi kedua bermula jam 12 tengah hari hingga 4 petang.

"(Dan) pada setiap hari Jumaat, petugas akan ke rumah pelatih untuk memantau dan memberi latihan mengikut silibus tersedia.

"Pelatih turut didedahkan dengan aktiviti fizikal seperti pembuatan kulit lembu, penanaman dan penjagaan pokok, menyanyi dan menari kerana mereka sememangnya menggemari aktiviti yang menonjol diri," jelasnya.

Menurut petugas berstatus OKU, **NORIZAN CHE NGAH**, pelatih berumur 16 tahun ke atas pula menjalani latihan asas di bengkel.

"Bagi pelatih yang mengalami masalah dari segi akal dan tidak boleh mendengar arahan secara spesifik, mereka dilatih untuk menyiapkan bungkusan ubat pengekot *(stapler)*.

"Latihan di bengkel mengajar pelatih untuk lebih berdikari dan berupaya menerima arahan, dari situ mereka akan timbul rasa untuk mencari rezeki sendiri apabila sudah bersedia kelak.

"Rata-rata pelatih ada juga yang memahami, ada yang sekadar mengikut jejak rakan, latihan juga akan memakan masa bertahun kerana bukan mudah untuk menerapkan ilmu asas ke atas mereka.

"Selain itu, petugas turut menganjurkan aktiviti di luar PPDK, melibatkan aktiviti senaman, main boling dan bersiar-siar menaiki bas awam di kawasan sekitar.

"Menariknya di sini, ada pelatih yang sudah mencecah usia 41 tahun, dan ada juga yang telah melengkapkan latihan di sini dan (kami) petugas yakin bahawa pelatih mampu berdikari, baru dibenarkan untuk keluar bekerja dengan persetujuan ibu bapa terlebih dahulu... Ada yang sudah bekerja kilang, pengawal dan bekerja dengan keluarga," ujarnya.

## Cabaran petugas

Suriawati menyatakan bahawa cabaran baharu yang perlu ditempuh adalah dari segi mengikut spesifikasi dan prosedur yang telah ditetapkan bagi sesebuah pusat jagaan.

"Penyeliaan bagi keselamatan dalaman dan luaran dari segi makanan, kebersihan dan lain-lain lagi adalah di bawah penguatkuasaan JKM.

"(Manakala) penyeliaan dari unit OKU akan memantau bahagian kewangan pusat jagaan, pihak kami juga lebih suka dipantau kerana tidak mahu lalai dalam menjalankan kewajipan, jika terdapat kekurangan sudah tentu petugas akan memperbaiki mana yang perlu.

"Di samping itu, petugas juga masak setiap hari mengikut menu yang ditetapkan oleh pakar pemakanan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sudah tentu setiap seorang perlu mengambil suntikan tifoid, masak juga harus di luar bangunan kerana khuatir membahayakan keselamatan pelatih.

"Dari segi pemantauan pelatih, bagi enam tahun ke bawah petugas akan sentiasa memantau pergerakan pelatih ke tandas, bagi pelatih 16 tahun ke atas semuanya pandai ke tandas sendiri.

"Sebagai makluman, peruntukan yang diberikan merupakan bagi tempoh setahun, mengikut pembahagian seperti yang dimaklumkan, jika tidak mencukupi petugas perlu mencari alternatif sendiri bagi menjalankan program pemulihan dan pembangunan serta penglibatan aktif pelatih.

"Justeru, pihak pusat jagaan turut menerima bantuan dari segi keperluan barangan dan sebagainya kepada pelatih di sini," ulasnya apabila diajukan soalan berhubung cabaran petugas di pusat jagaan tersebut.




NOR Hidayah Abdul Khalid menunjukkan sijil pengiktirafan sebagai PPDK Puteri Cemerlang yang diterima.



KEPELBAGAIAN latihan yang didedahkan.






PPDK Puteri Gunung yang terletak di Simpang Ampat.




PRODUK-produk yang dihasilkan pelatih.




LUKISAN-LUKISAN kreatif yang dihasilkan.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 04 - 313 7987<br>(H) 012 - 248 5938 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Kumaran Krishnan @ Calvin<br>bagandalamn09@gmail.com | (T) 04 - 313 1002<br>(F) |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>dapairputih@gmail.com | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Lee Boon Heng<br>leeboonheng24@gmail.com | (T) 011 - 2773 6684 |
